

NAMA: _____ KELAS: _____

SAINS TAHUN 6

UNIT 7: KELAJUAN

Murid-murid diminta untuk menonton video ini sebelum menjawab soalan di bawah.



MENGIRA KELAJUAN

1. Jadual di bawah menunjukkan kelajuan bagi kenderaan P dan kenderaan Q.

Kenderaan	Jarak yang dilalui (km)	Masa yang diambil (jam)
P	190	2
Q	255	3

(a) Apakah rumus yang boleh digunakan untuk mengira kelajuan?

$\text{Kelajuan} = \frac{\text{Masa}}{\text{Jarak}}$
$\text{Kelajuan} = \frac{\text{Jarak}}{\text{Masa}}$

(b) Kira kelajuan bagi kenderaan P dan kenderaan Q.

i. Kenderaan P = _____

ii. Kenderaan Q = _____

(c) Berdasarkan jawapan kamu di (a), kenderaan yang manakah bergerak lebih laju?

Kenderaan P
Kenderaan Q

(d) Encik Mohammad memandu kereta dengan kelajuan 90 km/j. Dia bertolak pada pukul 9.00 pagi ke bandar P yang jaraknya ialah 450 km. Pada pukul berapakah Encik Mohammad tiba di bandar P?

2. Rajah di bawah menunjukkan seekor kura-kura. Kura-kura merupakan antara haiwan yang bergerak perlahan di dunia.




(a) i. Seekor kura-kura bergerak sejauh 7.6 cm dalam masa 1 saat. Nyatakan unit kelajuan yang sesuai digunakan untuk mengukur kelajuan kura-kura ini.

km/j
m/s
cm/s

(a) ii. Sekiranya kura-kura itu berjalan sejauh 68.4 cm, berapakah masa yang diambil oleh kura-kura itu?

(b) Rajah di bawah menunjukkan jarak yang dilalui oleh tiga ekor arnab dalam masa 30 saat.



i. Arnab yang manakah bergerak paling pantas?

Arnab X
Arnab Y
Arnab Z

ii. Berikan inferens bagi jawapan kamu di (b) i.